



SKIM PERKHIDMATAN : **PEGAWAI SYARIAH**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PENGURUSAN & PROFESIONAL**
GRED : **LS41**
TARAF JAWATAN : **KONTRAK (*CONTRACT FOR SERVICE*) /
JAWATAN BERASASKAN CARUMAN (JBC)
KEMENTERIAN / JABATAN : **PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN****

SYARAT LANTIKAN WAJIB

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED LS41:

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS41: RM 2,418.00);

ATAU

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda Kepujian Syariah atau Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) serta Diploma Lanjutan Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS41: RM 2,418.00);

DAN

Syarat Bahasa Melayu : Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab memperkasa dan mengusahakan penyeragaman undang-undang syariah, memartabat sistem E-Syariah, melakukan penyelidikan isu-isu semasa dan keperluan Mahkamah Syariah dan menguruskan dana khas kerajaan berdasarkan perintah Mahkamah Syariah serta khidmat nasihat yang berkaitan dengannya. Menyebut, membicara, membuat keputusan/ penghakiman terhadap kes-kes syariah termasuklah kes-kes yang boleh diselesaikan secara *â€˜sulhâ€™*TM di samping mengawasi perjalanan pentadbiran Mahkamah Syariah. Memberi nasihat perundangan syariah terutamanya isu-isu semasa yang melibatkan kemaslahatan umat Islam. Menyediakan khidmat nasihat berkaitan perundangan syariah kepada orang awam dan mengendalikan kes-kes syariah kepada mereka yang layak. Mengendalikan kes-kes berkaitan kesalahan syariah dan menjalankan pendakwaan bagi kes-kes berkaitan di Mahkamah Syariah.